

19 AUG 2002
PETRONAS-MYANMAR/I
PETRONAS DAPAT EMPAT BLOK CARI GALI DI MYANMAR

Oleh: Rohana Mustaffa

YANGON, 19 Ogos (Bernama) -- Petronas, syarikat minyak negara, diberikan empat kontrak pengeluaran bersama (PSC) oleh kerajaan Myanmar bagi blok luar pesisir M-15, M-16, M-17 dan M-18.

Kontrak-kontrak berkenaan ditandatangani di sini oleh Presiden dan Ketua Eksekutif Petronas Tan Sri Mohamed Hassan Marican dan Timbalan Menteri Tenaga Myanmar, U Tin Tun.

Majlis berkenaan disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang kini dalam rangka lawatan kerja selama dua hari ke Myanmar dan Setiausaha 1 Majlis Keamanan dan Pembangunan Myanmar (SPDC), Lt Gen Khin Nyut.

Petronas dalam satu kenyataan berkata di bawah PSC berkenaan, Petronas Carigali Myanmar II Inc, anak syarikat milik penuh Petronas Carigali Sdn Bhd, cabang cari gali dan pengeluaran Petronas, akan menguasai 100 peratus ekuiti dalam empat blok berkenaan dan bertindak sebagai pengendali mereka juga.

Dalam penemuan komersil itu, Myanmar Oil and Gas Enterprise (MOGE) akan mempunyai pilihan untuk mengambil bahagian dengan ekuiti sehingga 20 peratus semasa fasa pembangunan dan pengeluaran blok-blok berkenaan, jelas Petronas.

Keempat-empat blok itu terletak di kawasan Tanintharyi luar pesisir utara Myanmar dan bersaiz lingkungan 13,500 km persegi hingga 14,200 km persegi.

Blok M-15, yang paling utara berdekatan dengan blok M-14, mengandungi kawasan pengeluaran gas Yetagun, sebahagian daripada Projek Gas Yetagun yang Petronas telah terlibat.

Penglibatan Petronas dalam Projek Gas Yetagun itu bermula apabila ia membeli 30 peratus kepentingan dalam projek itu pada 1997 daripada Texaco Inc. Ia terdiri daripada kawasan pengeluaran meliputi blok-blok M-12, M-13 dan M-14 di Teluk Martaban.

Rakan kongsi Petronas dalam projek berkenaan ialah Petroleum Authority of Thailand E&P International (14.17 peratus) Nippon Oil (14.17 peratus), MOGE (15 peratus) dan Premier Petroleum Myanmar Ltd (27.67 peratus).

Premier Petroleum yang menjalankan projek berkenaan, merupakan anak syarikat milik penuh Premier Oil Ltd, yang juga sebuah syarikat bersekutu Petronas.

Pengeluaran pertama gas dari Yetagun itu mula dihantar pada Mei 2000 kepada Petroleum Authority of Thailand melalui saluran paip menyeberangi sempadan yang dibina sebagai sebahagian daripada projek tersebut.

Kawasan Yetagun kini mengeluarkan 200 juta standard kaki cu. gas sehari.

Petronas berkata pemberian empat blok berkenaan mencerminkan komitmen ia yang mempunyai kewujudan yang kukuh di Myanmar dan membina perkongsian strategik dengan industri minyak dan gas di sana.

Dua lagi MoU juga ditandatangani pada Persidangan Teknologi Myanmar-Malaysia. Yang pertama ialah Pelan Bertindak dan Pembangunan Strategik Yangon yang ditandatangani antara Jawatankuasa Pembangunan Bandar raya Yangon, Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia Bagi Teknologi Tinggi (MiGHT) dan Institut Sultan Iskandar (ISI) bagi satu kajian untuk memajukan Yangon.

Satu lagi ialah bagi perkhidmatan telekomunikasi antarabangsa antara Maxis International Sdn Bhd dan Myanmar Posts and Telecommunications. --

BERNAMA

RON SHY NHD